

21 JUL 2003

Tilawah

JOHOR TUAN RUMAH PERUJIAN TILAWAH AL-QURAN KEBANGSAAN KE-46

JOHOR BAHRU, 21 Julai (Bernama) -- Johor dipilih menjadi tuan rumah bagi majlis Perujian Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan ke-46 yang akan diadakan dari 9 hingga 13 Sept ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata perujian tilawah itu akan dilangsungkan di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJB) di bandaraya ini.

"Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan penutupnya pula disempurnakan oleh Tuanku Sultan Johor," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa induk Perujian Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-46 di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata tema bagi perujian tilawah kali ini seperti yang digunakan di peringkat negeri-negeri untuk tahun ini iaitu "Bersama Hayati Keindahan Islam."

"Tema ini bertujuan mengajak umat Islam merenung kembali dan menterjemahkan keindahan Islam seperti yang dikehendaki oleh al-Quran dan sunnah Rasulullah," katanya.

Seperti lazimnya, kata beliau, perujian tilawah al-Quran tahun ini juga akan disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia yang akan membolehkan rakyat di seluruh negara turut menghayatinya.

Abdul Hamid berkata perujian tilawah kali ini juga akan disertai oleh seorang qari dan seorang qariah dari setiap negeri di samping johan menunggu qari dan qariah.

"Kita menjemput seperti biasa penyertaan seorang qari dan qariah dari semua negeri dan terpulanglah kepada negeri masing-masing untuk menghantar penyertaan mereka," katanya ketika ditanya sama ada Kelantan dan Terengganu akan menghantar qariah masing-masing.

Pada beberapa perujian tilawah al-Quran sebelum ini kedua-dua negeri itu yang diperintah oleh parti Pas hanya menghantar penyertaan qari masing-masing sahaja.

-- BERNAMA

MNY ROS